

NO. SOALAN: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI

TARIKH : 17 MAC 2016

RUJUKAN : 8605

SOALAN:

Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah terkini yang diambil oleh Jabatan Imigresen dalam memantau perjalanan keluar masuk pelawat yang melalui Labuan. Ini bagi memastikan setiap pergerakan pelawat dapat dipantau.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia mengambil langkah berikut sebagai mekanisme untuk mengekang kemasukan warga asing yang berisiko ke negara ini seperti:

- a) Proses tapisan awal melalui pengeluaran visa di kedutaan/ pejabat perwakilan Malaysia di luar negara, di mana tapisan akan dibuat untuk mengenalpasti sama ada warga asing berkenaan telah dimasukkan dalam senarai syak (SL) Jabatan. Sekiranya nama mereka tersenarai dalam senarai syak, warganegara asing ini tidak akan dikeluarkan dengan visa untuk datang ke Malaysia;**
- b) Kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk Negara meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang pengembara, dan penyemakan identiti dengan pangkalan data senarai syak Jabatan;**
- c) dalam menyemak identiti warga asing di pintu masuk Negara jua, Sistem Pangkalan Data (Biometrik) Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional (NERS) berupaya meningkatkan keberkesanan kawalan dan pemeriksaan warga asing dengan membuat proses pengecaman terhadap**

data biometrik yang telah direkodkan sebagai senarai syak Jabatan. Di samping itu juga, sistem NERS dapat mengenalpasti ketulenan identiti individu berdasarkan semakan silang dengan maklumat biometrik yang terkandung dalam pangkalan data NERS;

- d) dalam memberikan perkhidmatan yang pantas dan efisien, penggunaan *autogate* bagi kemasukan warganegara Malaysia dapat menjamin keselamatan dokumen di samping memelihara identiti warganegara melalui pengecaman cap jari biometrik. Ia seterusnya dapat membantu dan memberi peluang kepada pegawai imigresen untuk memberikan lebih perhatian kepada pemeriksaan pelawat asing berisiko tinggi di pintu-pintu masuk Negara; dan**
- e) Pihak Polis DiRaja Malaysia, Kastam DiRaja Malaysia dan agensi lain turut menyumbang data-data warga asing yang berisiko dalam sistem SL.**